



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

National University of Malaysia

GGGE 2174 PROGRAM PEMULIHAN DALAM KOMUNITI

SEMESTER 1 SESI 2016/2017

TUGASAN KUMPULAN

ANALISIS PDK BERPANDUKAN MATRIK CBR

PENSYARAH

PROF. MADYA DR. MANISAH BINTI MOHD. ALI

PROF. MADYA DR. ROSADAH BINTI ABD MAJID

DR. ALIZA BINTI ALIAS

AHLI KUMPULAN

BIL.	NAMA	NO. MATRIK
1.	MOHAMAD FIRDAUS FAIZ BIN PONIRAN	A 155313
2.	NURUL ASHIKIN BINTI ABU BAKAR	A 155330
3.	NOOR SYAZANA BINTI MOHAMAD	A 154127
4.	SITI NORZILA BINTI MAT DIN	A 153445
5.	AVYASVINA ISTINIZA ANAK UNONG	A155166
6.	NOR WAHIDA BINTI SHAHABUDIN	A 154428

1.0 PENGENALAN

Analisis Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK) Permata Hati, Presint 11 Putrajaya telah dilakukan berpandukan lima matrik *Community based Rehabilitation* (CBR). Matrik-matrik tersebut terdiri daripada kesihatan (*health*), pendidikan (*education*), mata pencarian (*livelihood*), sosial (*social*) dan pemberdayaan (*empowerment*). Analisis ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang terdapat di PDK ini. Setiap pecahan matrik dianalisis secara sistematik supaya objektif tugas ini tercapai.

2.0 KESIHATAN (*health*)

Berdasarkan matrik CBR, kesihatan merupakan perkara yang penting bagi mereka yang berkeperluan khas. Dalam matrik CBR, promosi merupakan aspek yang terdapat dalam matrik kesihatan. Promosi membolehkan individu meningkatkan kawalan terhadap tahap kesihatan mereka. Di PDK Permata Hati, galakan untuk menjaga kesihatan amat penting. Hal ini kerana, kebanyakan pelatih di PDK adalah mereka yang mempunyai pelbagai masalah kesihatan. Oleh itu, PDK memainkan peranan yang penting untuk menggalakkan pelatih-pelatih menjaga kesihatan mereka. Di PDK mereka mengamalkan cara hidup yang sihat. Misalnya pada setiap pagi, aktiviti senaman diadakan supaya pelatih aktif dan keupayaan motor kasar mereka meningkat.

Selain itu, pencegahan juga adalah salah satu aspek yang ditekankan dalam kesihatan berdasarkan matrik CBR. Pencegahan ini berfokus kepada penyakit yang berbahaya. Pencegahan pada peringkat permulaan adalah pencegahan melalui vaksin. Seperti kanak-kanak lain, pelatih di PDK juga mengambil suntikan vaksin dan pemeriksaan awal dilakukan bertujuan untuk mencegah penyakit. Perkara yang boleh diperhatikan di PDK ini, kawalan keselamatan dan kebersihan persekitaran PDK amat dijaga. Namun, kedudukan dan pelan lokasi PDK dilihat kurang sesuai kerana berhampiran dengan jalan raya yang boleh mengundang pelbagai masalah terhadap keselamatan pelatih.

Di samping itu, rawatan perubatan juga penting dalam aspek kesihatan. Rawatan perubatan adalah menggalakkan pengenalan awal, diagnosis awal dan rawatan yang mencukupi serta penjagaan kesihatan. Pelatih PDK mendapat rawatan daripada pakar yang terlibat bagi meningkatkan tahap kesihatan mereka. Pakar yang terlibat di PDK ini adalah pakar pertuturan, pakar pediatrik, ahli fisioterapi, dan sebagainya mengikut keperluan. Pelatih mendapat diagnosis awal di hospital sebelum mendapat rawatan dan pemulihan di PDK. Selain daripada itu, aspek penjagaan kesihatan sangat ditekankan di mana PDK ini sering mengadakan aktiviti berkaitan dengan penjagaan kesihatan seperti pengurusan diri.

Pengurusan diri merupakan salah satu aspek penjagaan kesihatan kerana kebanyakan pelatih di PDK tidak boleh menguruskan diri sendiri. Namun, pelatih di PDK tidak mendapat rawatan kesihatan yang sewajarnya kerana jadual masa kedatangan pakar ke PDK adalah tidak menentu akibat kekangan jadual tugas kerja.

Seterusnya, pemulihan juga adalah komponen yang terdapat dalam matrik kesihatan. Pemulihan bermakna berkesan dan langkah yang sesuai, termasuk melalui sokongan rakan sebaya, bagi membolehkan orang kurang upaya mencapai dan mengekalkan sikap mandiri yang maksimum, fizikal dan mental yang lengkap, sosial dan keupayaan vokasional, dan rangkuman lengkap serta penyertaan dalam semua aspek kehidupan. PDK ini menekankan tentang pemulihan sesuai dengan tujuan PDK ini ditubuhkan.

Pemulihan yang dilakukan di PDK merangkumi aspek pengurusan diri, tingkah laku dan juga sosial. Pengurusan diri penting bagi membolehkan pelatih diterima dalam masyarakat dan sokongan daripada masyarakat dan ibu bapa amat penting untuk mereka berdikari. Selain itu juga, PDK Permata Hati menggunakan terapi untuk menggalakkan pemulihan bagi pelatih. Antara terapi yang digunakan adalah terapi main dan terapi muzik. Pelatih akan duduk dalam keadaan diam apabila lagu kegemaran mereka dipasang. Hal ini menunjukkan terapi muzik menggalakkan pemulihan bagi perubahan tingkah laku mereka.

Akhir sekali, aspek dalam matrik kesihatan adalah alat bantuan. Alat-alat bantuan untuk orang kurang upaya direka, dibuat, atau disesuaikan untuk membantu seseorang melaksanakan tugas. PDK Permata Hati baru sahaja ditubuhkan, oleh itu tidak banyak alat bantuan yang terdapat di sini. Hal ini menyebabkan proses rawatan dan pemulihan sukar dilakukan. Alat bantuan yang terdapat di sini adalah *parallel bar* yang digunakan untuk tujuan fisioterapi. Menurut penyelia, PDK ini memerlukan lebih banyak alat bantuan kerana pelatih terdiri daripada mereka yang mempunyai pelbagai jenis ketidakupayaan yang memerlukan jenis alat bantuan yang berbeza.

3.0 PENDIDIKAN (*education*)

3.1 Pendidikan Awal Kanak-kanak

Kekuatan PDK

Pendidikan awal kanak-kanak sangat penting kepada mereka lebih – lebih lagi terhadap golongan yang mempunyai ketidakupayaan dari pelbagai kategori. Oleh itu, PDK Permata Hati menyediakan perkhidmatan pra sekolah untuk kanak-kanak berkeperluan khas yang berumur lima hingga enam tahun. PDK menyediakan pendidikan yang sempurna terhadap pelatih kanak-kanak melalui bahan bantu mengajar (BBM) yang pelbagai. Contohnya susun suai gambar (*jigsaw puzzle*), kad imbasan, bahan multimedia dan sebagainya.

Susun suai gambar memberikan banyak kelebihan terhadap perkembangan kanak-kanak. Antaranya membantu mengaktifkan ransangan otak, membentuk kognitif yang logik serta mengenal objek, dan warna. Selain itu, susun suai gambar juga boleh melatih koordinasi mata dan tangan dan meransang kamahiran motor halus kanak-kanak kerana mereka akan berusaha untuk memadankan kepingan susun suai gambar pada tempat yang betul serta menggunakan kekuatan jari untuk mengambil kepingan-kepingan kecil susun suai gambar. BBM ini juga melatih pemikiran logik kanak-kanak dalam penyesuaian bentuk, warna dan tulisan berdasarkan susun suai gambar tersebut serta melatih tahap kesabaran dan ketabahan kanak-kanak ketika menyelesaikannya.

Kanak-kanak yang mempunyai ketidakupayaan boleh meningkatkan pengetahuan tentang bentuk dan ruang dengan meneliti kepingan dan bentuk-bentuk susun suai gambar. Aktiviti susun suai gambar memberi peluang kepada ibu bapa atau petugas PDK untuk meningkatkan kemahiran bermasyarakat dan merupakan peluang yang baik untuk mereka berbual dengan kanak-kanak dan berkongsi menyelesaikan masalah bersama-sama. Malah pemilihan susun suai gambar pada tahap sukar memerlukan mereka untuk berfikir tentang apa yang perlu dilakukan untuk sempurnakan susun suai gambar tersebut.

Kelebihan kad imbasan pula adalah mudah digunakan dalam permainan. Selain mengasah kemampuan kognitif ia juga melatih ketangkasan fizikal. Kad imbasan dibuat secara terperinci dan dilihat dari cara pembuatan dan penggunaannya. Penggunaan media ini tidak menuntut kemahiran atau keahlian khusus. Susun gambar kad imbasan mengikut kesesuaian dan pastikan posisi gambar tidak terbalik, dan jika sudah selesai bermain, kanak-kanak perlu menyimpan kembali dengan cara diikat atau menggunakan kotak khusus agar tidak tercicir.

Kelebihan lain kad imbasan ialah bahan yang digunakan mudah diingati oleh kanak-kanak kerana pengajaran yang diajarkan adalah pendek-pendek dan padat dengan maklumat. Misalnya dalam pengajaran tatacara berwudhu, mengenal nama binatang, buah-buahan, angka menggunakan bahasa Inggeris dan sebagainya. Pengajaran yang mudah ini membolehkan kanak-kanak untuk mengingati pengajaran tersebut. Adanya kombinasi antara gambar dan teks dapat memudahkan proses mengingat. Selain itu, kelebihan kad imbasan ialah bahan ini mudah dibawa ke mana sahaja kerana saiznya agak kecil dan senang untuk disimpan di dalam kocek serta mudah untuk menyusun kad imbasan dalam kotak.

Kelebihan bagi bahan multimedia pula ialah kanak-kanak secara tidak langsung boleh menyanyi sambil belajar untuk menyebut perkataan yang ditunjukkan dalam lagu tersebut. Di samping itu, muzik membantu dalam melatih kordinasi mata, tangan, kaki dan mulut yang memberikan kesan yang baik kepada kanak-kanak ketidakupayaan. Aktiviti yang saya nyatakan adalah aktiviti yang dilakukan pada setiap hari di PDK Permata Hati. Mengikut pemerhatian selama tujuh kali ke sini, saya berpendapat bahawa ini adalah kekuatan pendidikan awal kanak-kanak yang terdapat di PDK Permata Hati.

Kelemahan PDK

Ibu bapa tidak sedar kepentingan pendidikan awal kanak-kanak lebih-lebih lagi bagi kanak-kanak yang bekeperluan khas. Hal ini demikian kerana, sesetengah ibu bapa di PDK kurang peka terhadap perkembangan pendidikan anak-anak mereka di PDK. Selain itu, Kurangnya kesedaran dalam kalangan ibu bapa bahawasanya mereka merupakan guru pertama kanak-kanak. Hal ini kerana, sesetengah ibu bapa tidak melihat cara anak-anak mereka belajar, mengaplikasikan pengajaran yang mereka belajar di rumah selepas belajar di PDK. Mereka tidak fikir bahawa dengan memberi sokongan dan dorongan kepada kanak-kanak, mereka akan terdorong untuk berusaha belajar serta membolehkan pembelajaran diaplikasikan dan dijadikan rutin harian mereka.

Petugas di PDK tidak menekankan pendidikan dan menjagar sambil lewa. Hal ini kerana, mungkin ada sesetengah petugas PDK diterima untuk bertugas tanpa pengalaman serta pendidikan mengenai pendidikan khas kanak-kanak yang selayaknya. Kurikulum yang disediakan tidak diikuti sepenuhnya kerana mereka mungkin berasa malas untuk mengajar kanak-kanak disebabkan faktor gaji yang sedikit dan tidak memberi dorongan untuk mereka mengajar dengan lebih semangat dan aktif. Analisis kekuatan dan kelemahan ini dilakukan berdasarkan pemerhatian kami selama tujuh kali ke PDK berpandukan matrik pendidikan.

Justeru, kelemahan ini diharapkan boleh ditambahbaik dan dipandang berat oleh ibu bapa, petugas dan ahli organisasi PDK itu sendiri.

3.2 Peringkat Rendah

Kekuatan PDK

Mengikut analisis CBR, pendidikan peringkat rendah di PDK ialah bagaimana pelatih-pelatih di PDK mampu menguruskan diri sendiri selepas keluar dari PDK. Hal ini kerana, pelatih-pelatih yang sudah pandai menguruskan diri sendiri dan berkeupayaan mengadaptasi pelbagai kemahiran seperti bertukang, memasak dan menjahit perlu bersaing dengan orang-orang tipikal dari segi faktor pekerjaan. Oleh itu, mereka perlu menggunakan kemahiran yang mereka ada dan mengambil inisiatif lain untuk menjana pendapatan mereka sendiri. Ini sesuai dengan Falsafah Cina-Confucius iaitu 'jika anda memberi seorang yang lapar ikan, maka dia hanya akan kenyang pada hari itu. Ajarlah dia cara menangkap ikan dan dia akan kenyang sepanjang hidupnya'. PDK Permata Hati dilihat telah melaksanakan tanggungjawab dalam mengajar pelatih-pelatih bagaimana cara menguruskan diri dengan betul seperti pengurusan diri, adab makan, adab masuk-keluar tandas, cara-cara memakai pakaian dengan betul dan sebagainya.

Kelemahan PDK

PDK Permata Hati mempunyai banyak kelemahan dalam di peringkat rendah iaitu kekurangan dalam membimbing pelatih tentang kemahiran hidup seperti memasak, menjahit dan bertukang. Dari segi memasak, persekitaran ruang dapur agak kecil dan sempit menyebabkan pengajaran kemahiran memasak tidak dapat dijalankan. Peralatan masakan juga tidak mencukupi kerana tiada peruntukan untuk membeli barangan tersebut. Peralatan masakan yang ada juga tidak mesra pengguna kerana pemegang pisau agak kasar dan sukar untuk digunakan.

Seterusnya, dalam kemahiran menjahit pula, PDK tidak mempunyai mesin menjahit, mesin menjahit tepi kerana kekurangan peruntukan yang diberikan. Jarum dan benang tidak disediakan kerana khuatir berlaku kecederaan kepada pelatih-pelatih di sini. Tambahan lagi, petugas-petugas tidak mempunyai kemahiran untuk mengajar pelatih bagaimana untuk menjahit. Selain itu, dalam kemahiran bertukang memerlukan tenaga pengajar yang mahir mengendalikan barangan yang tajam dan bahaya. Tambahan pula, kedudukan kawasan PDK tersebut tidak sesuai untuk menjalankan aktiviti pertukangan.

3.3 Peringkat Menengah dan Tinggi

Kekuatan PDK

Dalam hidup sehari-hari, pelatih PDK perlu menjaga kebersihan diri pada setiap masa agar mereka sentiasa sihat. Orang yang bersih tentunya akan disenangi oleh orang lain. Mereka perlu sentiasa bersih ketika di rumah, di sekolah atau di mana sahaja agar terhindar daripada penyakit dalam tahap sederhana. Kebersihan diri termasuk menjaga kebersihan badan iaitu menjaga kebersihan rambut seperti membersihkan rambut dengan syampu secara rutin (minima dua kali seminggu), potong rambut tiga minggu sekali dan sisir rambut agar terlihat rapi.

Selain itu, pelatih juga perlu menjaga kebersihan kuku, mencuci kuku setiap kali selepas makan dan ketika mandi, dan memotong kuku setiap minggu agar sentiasa pendek. Pelatih PDK juga perlu pandai menjaga kebersihan gigi dan mulut seperti menggosok gigi setiap pagi dan sebelum tidur berkumur-kumur menggunakan cecair kumur setiap kali selepas menggosok gigi dan selepas makan. Pelatih seboleh-bolehnya perlu mengelak dari mengambil makanan yang manis di mana kesannya boleh merosakkan gigi.

Elakkan makan atau minum makanan atau minuman yang terlalu panas atau terlalu sejuk. Elakkan menggigit makanan atau bahan yang keras yang boleh merosakkan ketahanan gigi. Petugas perlu menunjukkan cara yang betul kepada pelatih bagaimana menjaga kebersihan tangan dan kaki seperti mencuci kaki dan tangan terutama di celah jari setiap kali mandi, mencuci tangan setiap kali sebelum dan selepas makan dan bekerja menggunakan tangan. Mereka juga perlu menjaga kebersihan telinga dan hidung dengan membersihkan telinga setiap minggu dengan putik kapas di samping membersihkan hidung menggunakan tisu atau tuala muka.

Kelemahan PDK

Kelemahan bagi pengurusan diri fizikal tahap sederhana dan tinggi ini perlu dilakukan secara sabar dan berulang kerana kebanyakan pelatih akan lupa mengenai proses atau cara untuk menguruskan diri. Kosep ini sesuai dengan teori Pavlov iaitu Penguasaan atau Pembelajaran Semula. Penguasaan atau bagaimana sesuatu organisma belajar sesuatu gerak balas atau respon baru berlaku secara berperingkat-peringkat. Lebih kerap organisma itu mencuba maka semakin kukuh penguasaan berkenaan.

3.4 Pendidikan Tidak Formal

Kekuatan PDK

Secara lisannya, pembelajaran diadakan bagi memperbaiki lagi hasil pembelajaran melalui sistem formal (lebih mendalam lagi). Pembelajaran diadakan untuk menambah ilmu baru, pengalaman baru, bimbingan, kepakaran dan sebagainya. Kebiasaannya pendidikan tidak formal diadakan melalui aktiviti seperti bengkel, forum, ceramah yang berbentuk formal, kursus-kursus pendek dan sebagainya. Kurikulum berkemungkinan ada atau tiada yang ditetapkan oleh pihak penganjur.

Kursus-kursus yang bersesuaian dilaksanakan secara berkala mengikut keperluan tertentu. Kursus kursus yang diambil mungkin beberapa jam atau beberapa hari. Bagi tempat pembelajaran pula seperti dewan, pusat latihan, hotel dan sebagainya mengikut kesesuaian kursus. Oleh itu, pelatih di PDK Permata Hati perlu menghadirkan diri dalam kursus kemahiran untuk meningkatkan kemahiran dalam kebolehan berdikari apabila keluar dari PDK kelak.

Komponen dan Kadar Bantuan

Kadar bantuan meliputi yuran pengajian, tempat tinggal, makan/minum peserta serta elaun peserta. Bagi kursus kurang tempoh sebulan, setiap peserta hendaklah diberi Elaun Hilang Pendapatan sebanyak RM25 sehari manakala bagi kursus lebih dari tempoh tersebut, Elaun Sara Hidup sebanyak RM150 sebulan hendaklah diberikan.

Tempoh Latihan/ Kursus Kadar Bantuan Maksimum (RM):

- ❖ Kurang dari 1 minggu (mengikut kesesuaian) 1,500
- ❖ Jangka Pendek – 1 minggu hingga kurang dari 3 bulan (mengikut kesesuaian)
3,000
- ❖ Jangka Sederhana – 3 bulan hingga kurang dari 6 bulan (mengikut kesesuaian)
5,000
- ❖ Jangka Panjang – 6 bulan hingga kurang dari 1 tahun (mengikut kesesuaian)
10,000
- ❖ Bagi kursus SKM I dan SKM II yang melangkau tahun semasa dan tahun berikutnya
15,000

Jenis Latihan

Kursus-kursus yang dijalankan meliputi bidang berikut:

- ❖ Pertanian (ternakan, ternak air, nursery bunga-bunga, dll)
- ❖ Perkhidmatan (baik pulih kereta motor, baik pulih computer, dll)
- ❖ Pembuatan (kulinari, pemprosesan makanan, kraftangan, dll)

Kaedah Pelaksanaan

Program-program ini dikenalpasti melalui agensi pelaksanaan yang dilantik iaitu:

- ❖ Pejabat Pembangunan Negeri / Jabatan Pembangunan Persekutuan.
- ❖ Agensi-agensi KKLW
- ❖ Badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan swasta
- ❖ Kementerian / Agensi lain

Kelemahan PDK

Kelemahan pertama di PDK ialah, kurangnya koordinasi disebabkan oleh keragaman dan luasnya program yang diselenggarakan oleh berbagai pihak. Semua lembaga pemerintah, baik yang berstatus departman mahupun non departman, menyelenggarakan program-program pendidikan tidak formal. Berbagai lembaga swasta, perseorangan, dan masyarakat menyelenggarakan program pendidikan tidak formal yang bertujuan untuk memenuhi keperluan lembaga tersebut atau untuk pelayanan kepada masyarakat. Dengan adanya variasi program yang dilakukan oleh berbagai pihak itu akan memungkinkan terjadinya program-program yang bertindih. Program yang sama mungkin akan digarap oleh berbagai lembaga, sebaliknya mungkin suatu program yang memerlukan penggarapan secara terpadu kurang mendapat perhatian dari berbagai lembaga. Oleh kerana itu koordinasi antara pihak penyelenggara program pendidikan tidak formal sangat diperlukan untuk meningkatkan efektif dan teratur perencanaan, pelaksanaan dan evolusi program serta untuk mendayagunakan sumber-sumber dan fasiliti dengan lebih terarah sehingga program tersebut mencapai hasil yang optimal.

Kelemahan kedua, tenaga pendidik atau sumber belajar yang profesional masih kurang. Penyelenggara kegiatan pembelajaran dan pengelolaan program pendidikan tidak formal sampai saat ini sebahagian terbesar dilakukan oleh tenaga-tenaga yang tidak mempunyai latar belakang pengalaman pendidikan tidak formal. Keterlibatan mereka dalam program pendidikan didorong oleh rasa pengabdian kepada masyarakat atau kerana tugas yang diperoleh dari lembaga tempat mereka bekerja, dan mereka pada umumnya berlatar

belakang pendidikan formal. Kenyataan ini sering mempengaruhi cara penampilan mereka dalam proses pembelajaran antara lain dengan menerapkan pendekatan mengajar pada pendidikan formal di dalam pendidikan tidak formal sehingga pendekatan ini pada dasarnya tidak sesuai dengan prinsip-prinsip pembelajaran dalam pendidikan tidak formal. Pengelolaan program pendidikan tidak formal memerlukan pendekatan dan keterampilan yang relatif berbeza dengan pengelolaan program pendidikan formal. Untuk mengatasi kelemahan itu maka diperlukan upaya peningkatan kemampuan tenaga pendidik yang ada dalam meningkatkan tenaga profesional pendidikan tidak formal.

Kelemahan ketiga, motivasi belajar peserta didik relatif rendah. Kelemahan ini berkaitan dengan adanya kesan umum bahawa lebih rendah nilainya daripada pendidikan formal yang peserta didiknya memiliki motivasi kuat untuk perolehan ijazah. Pendekatan yang dilakukan oleh pendidik yang mempunyai latar belakang pengalaman pendidikan formal dan menerapkannya dalam kegiatan pembelajaran pendidikan tidak formal pada umumnya tidak kondusif untuk mengembangkan minat peserta didik. Seterusnya, masih terdapat program pendidikan, yang berkaitan dengan upaya membekalkan peserta didik untuk mengembangkan kemampuan dibidang ekonomi, tidak dilengkapi dengan masukan lain (*other input*) sehingga peserta didik atau lulusan tidak dapat menerapkan hasil belajarnya. Para lulusan pendidikan tidak formal dianggap lebih rendah statusnya dibandingkan status pendidikan formal, malah sering terjadi para lulusan pendidikan yang disebut pertama berada dalam pengaruh lulusan pendidikan tidak formal.

Secara ringkasnya, kelemahan-kelemahan di atas merupakan beberapa contoh yang muncul di lapangan. Namun pendidikan tidak formal makin lama makin diakui pentingnya dan kehadirannya sebagai pendidikan yang berkaitan erat dengan keperluan masyarakat dan bangsa serta sebagai bahagian penting dari kebajikan dan program pembangunan.

3.5 Pembelajaran Sepanjang Hayat

Kekuatan PDK

Pendidikan sepanjang hayat juga untuk membangunkan kerjaya seseorang bagi meningkatkan produktiviti individu, organisasi tempat kerja dan negara. Hal ini bermakna proses pembelajaran itu akan berakhir apabila seseorang itu meninggalkan alam persekolahan, sebaliknya proses tersebut berterusan sepanjang hayat yang boleh diaplikasikan dalam pendidikan terhadap pelatih-pelatih PDK Permata Hati. Mengikut kajian UNESCO, kemajuan yang dicapai oleh negara-negara membangun ialah hasil daripada perancangan strategik pembangunan sumber manusia. Perancangan ini memberi

peluang kepada seluruh anggota masyarakat untuk mendapat pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat. Pada pertengahan tahun 1990an Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui UNESCO telah melancarkan program bagi meningkatkan kesedaran membangun. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada masa ini telah mengiktiraf pendidikan sepanjang hayat sebagai kunci kepada pembangunan sumber manusia. Menyedari hakikat tentang pentingnya pendidikan sepanjang hayat bagi memakmurkan dan memajukan negara, kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa tindakan proaktif. Antaranya, menggubal beberapa dasar dan meletakkan komponen pendidikan sepanjang hayat sebagai teras utama dalam perancangan pembangunan negara. Sebagai contoh, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi tempoh 2001-2010 dan Dasar Wawasan Negera (DWN) adalah antara rangka pembangunan negara jangka panjang bagi menghadapi cabaran globalisasi. Rangka rancangan pembangunan negara yang dirancang begitu teliti dan sistematik ini telah berjaya melahirkan modal insan yang berkualiti, berpengetahuan, berkemahiran dan bertaraf dunia.

Konsep pendidikan sepanjang hayat merangkumi pengertian yang begitu luas. Konsep ini merangkumi proses pendemokrasian pendidikan yang memberi peluang pendidikan seluas-luasnya kepada setiap individu tanpa mengira kelas sosial, kaum, umur dan juga jantina. Peluang pendidikan yang diberikan adalah bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi seseorang. Pendidikan sepanjang hayat menekankan kepada proses pembelajaran sendiri dan bukannya proses pengajaran. Hal ini bererti bahan-bahan dan pedagogi yang digunakan adalah sesuai dan mesra pelajar. Selain itu, waktu belajar perlu juga fleksibel dan kurikulumnya sesuai dengan kemajuan teknologi dan keperluan semasa. Pendidikan sepanjang hayat boleh dilakukan sama ada secara formal seperti di sekolah, instituti pengajian dan pusat latihan vokasional, ataupun secara tidak formal iaitu berdasarkan pengamalan dan latihan di tempat kerja masing-masing. Cara pendekatan pendidikan sepanjang hayat ini boleh dipelbagaikan supaya mudah diakses oleh pelajar seperti melalui, pembelajaran ataupun kursus secara pos.

Kelemahan PDK

Pembelajaran sepanjang hayat telah memperkenalkan bidang objektif yang luas dan didefinisikan seperti berikut, “semua aktiviti pembelajaran yang diikuti adalah bertujuan untuk menambah pengetahuan, kemahiran-kemahiran dan tahap kecekapan setiap orang, atau perspektif yang ada hubungan dengan pekerjaan” (European Commission, 2001).

Cabaran yang sedang ditangani oleh kerajaan Malaysia ialah untuk membentaras buta huruf dikalangan orang-orang dewasa. Kumpulan ini tidak berpeluang mengikuti pembelajaran formal diperingkat kanak-kanak dan remaja disebabkan oleh faktor penjajahan, kemiskinan dan persekitaran yang jauh dari pembangunan. Kita berasa sungguh bangga kerana mendapat pengiktirafan oleh badan antara bangsa seperti UNESCO kerana kadar buta huruf merupakan yang terendah di dunia. Disebaliknya sikap kurang membaca dikalangan rakyat negara ini sangat ketara apabila diberitahu bahawa hanya membaca purata setengah halaman dalam setahun. Sufean Hussin (2004) menjelaskan bahawa sebahagian besar daripada masyarakat kita pandai membaca, pandai menulis dan pandai mengira tetapi mereka tidak ada minat dan semangat membaca untuk meluaskan ilmu pengetahuan dan pemikiran mereka. Sistem pendidikan selalu dilihat sebagai proses pembudayaan atau pemasyarakatan (Abd. Rahim, 2003). Nampaknya selepas 50 tahun kemerdekaan masyarakat masih kurang membaca, dimanakah silapnya?

Cabaran seterusnya ialah bagaimana untuk membudayakan ilmu di dalam komuniti setempat. Membudaya di sini membawa maksud supaya menjadi amalan dalam hidup. Natiujahnya akan berlaku sesuatu perubahan dalam kehidupan hasil dari pemerolehan dan perkembangan ilmu pengetahuan. Inilah budaya yang hidup subur dan berkembang di negara maju. Banyak lagi yang perlu dilihat dan dipertontonkan kepada kita mengapa barat berjaya membudayakan ilmu sedangkan masyarakat kita masih meraba-raba menuju ke arah yang sama. Adakah sukar untuk mendapat bahan bacaan atau harganya sangat tinggi di negara kita? Adakah bahan bacaan bukan dalam bahasa sendiri menyebabkan kita kurang berminat untuk membaca kerana tidak faham?.

Selain daripada itu budaya masyarakat yang mengutamakan ilmu pengetahuan terelak daripada menerima gelaran masyarakat primitif atau andaian katak di bawah tempurung. Budaya ilmu juga memungkinkan kewujudan sebuah masyarakat yang mempunyai pandangan dunia yang lebih luas, iaitu pemikiran yang lebih terbuka. Dari perspektif yang lain pendidikan semestinya dijadikan satu proses yang berterusan dalam kehidupan setiap insan. Pendidikan memainkan peranan yang besar dalam pembentukan generasi akan datang serta pencapaian objektif negara. Semakin maju sesebuah negara maka semakin meningkat permintaan untuk tenaga mahir dan yang berpengetahuan.

Tidak boleh dinafikan bahawa pendidikan merupakan wahana utama bagi menerap idea-idea baru, teknologi terkini, dan menerapkan kepakaran dalam masyarakat. Disaat penulisan ini dibuat, banyak diperkatakan tentang mutu pendidikan di negara kita merosot. Kemerosotan ini dilihat melalui senarai kedudukan universiti di dunia. Disamping itu,

sebilangan besar tanggapan masyarakat terhadap mutu pendidikan di negara kita, Malaysia ialah kegagalan mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian. Kalaulah pandangan ini diterima pakai sebagai ukuran, maka sampai bila pun kita tidak mampu meletakkan mutu pendidikan separas dengan negara maju di dunia. Nadler (1984) mengusulkan bahawa pendidikan mengandungi aktiviti-aktiviti yang direka untuk menyediakan para pekerja dengan kerja-kerja pada masa hadapan. Minat untuk mempelajari sesuatu merupakan sifat yang utama dalam pembangunan modal insan. Individu atau pekerja yang berminat ialah pekerja yang produktif (Mahmood Nazar, 2005). Hal ini bertentangan dengan realiti akibat kurang berminat untuk menambah ilmu pengetahuan, kita dapati ramai rakyat Malaysia terutamanya suri rumah tidak mempunyai pengetahuan teknologi dan lebih bergantung kepada pihak lain. Misalnya, sebagai pengguna peralatan elektrik di rumah mereka tidak pandai membaiki peralatan yang rosak walau pun diperingkat yang asas sahaja.

Petunjuk ini amat berbeza dengan ketara jika dibandingkan dengan suri rumah di negara maju yang mempunyai pengetahuan asas dari aspek teknologi yang memungkin mereka tidak bergantung kepada pihak lain. Perubahan pada tahap individu ini bergantung kepada penguasaan kemahiran baru, pembentukan sikap baru, serta pembentukan pemahaman baru (Tor Geok Hwa, 2004). Ini seharusnya merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat yang kurang diamalkan oleh suri rumah di negara ini.

4.0 MATA PENCARIAN (*livelihood*)

Kehidupan adalah sebahagian daripada CBR kerana ianya penting untuk memastikan bahawa kedua-dua belia dan orang dewasa kurang upaya mempunyai akses kepada latihan dan kerja peluang di peringkat komuniti. Kanak-kanak kurang upaya juga perlu digalakkan untuk belajar, mengambil bahagian dan memberi sumbangan dalam keluarga. Seorang individu yang kurang upaya perlu sihat dan mungkin memerlukan alat bantuan untuk bekerja. Begitu juga, seseorang yang mempunyai kecacatan yang bekerja diberi kuasa dan lebih berupaya untuk mendapatkan keperluan hidup, mengekalkan keluarga dan mengambil bahagian secara aktif dalam kehidupan sosial, budaya dan politik masyarakat.

Pembangunan kemahiran

Terdapat empat jenis kemahiran iaitu kemahiran asas, kemahiran teknikal dan profesional, kemahiran pengurusan perniagaan dan kemahiran hidup teras. Gabungan keempat-empat jenis kemahiran memastikan kejayaan yang lebih besar dalam mencari pekerjaan yang baik dan mencari nafkah. Program CBR perlu mengenal pasti dan

menggalakkan peluang untuk individu kurang upaya mempelajari semua empat jenis kemahiran. Namun, pelatih di PDK Permata Hati, sedang belajar kemahiran asas dalam mengurus diri, dan kemahiran sasaran iaitu koordinasi mata dan tangan, motor kasar dan motor halus.

Bekerja sendiri

Program CBR mempunyai peranan penting untuk bermain dalam membantu mereka yang kurang upaya untuk menjadi bekerja sendiri dengan memulakan atau mengembangkan aktiviti menjana pendapatan dan perniagaan kecil mereka sendiri. PDK ini mengajar pelatih untuk meningkatkan tahap kemahiran motor kasar dan motor halus pelatih. Misalnya, pelatih menggulung dan meleper tanah liat kemudian membuat menjadi bentuk sesuatu. Mereka berpendapat, pelatih harus dapat menggunakan tangan seperti masyarakat lain kerana tangan merupakan bahagian paling penting untuk melakukan sesuatu kerja. Sekiranya mereka ingin bekerja apabila dewasa kelak, maka dapatlah mereka bekerja sendiri dengan mencipta sesuatu.

Pekerjaan bergaji

Orang kurang upaya menghadapi banyak halangan untuk mencari pekerjaan bergaji yang baik. Tetapi terdapat perkembangan menggalakkan dalam banyak perniagaan, yang proaktif dalam usaha mengambil kerja orang kurang upaya. PDK boleh membantu mengatasi atau mengurangkan halangan kepada pekerjaan bergaji. Misalnya, mereka membantu memperkembangkan bakat yang sedia ada dalam diri pelatih. Namun, pusat PDK ini masih belum dapat melatih pelatih membina dan memperkembangkan kemahiran mereka. Hal ini kerana, pelatih tersebut difokuskan untuk menguasai kemahiran mengurus diri.

Perkhidmatan kewangan

Orang kurang upaya mempunyai keperluan yang sama untuk perkhidmatan kewangan sebagai orang upaya. Misalnya, mereka diberi elaun OKU setiap bulan. Perkhidmatan seperti hospital, tambang kenderaan kadang kala dikecualikan mahupun diberi pengurangan. Hal ini dapat dilihat semasa pelatih ke Taman Wetland Putrajaya, pelatih tidak dikenakan bayaran untuk menaiki tram.

Perlindungan sosial

Orang kurang upaya mempunyai hak yang sama rata kepada langkah-langkah perlindungan sosial kepada rakyat amnya. Langkah-langkah perlindungan sosial termasuk peruntukan rasmi oleh kerajaan dan organisasi-organisasi besar dan tidak formal langkah-langkah di peringkat komuniti. Langkah-langkah rasmi termasuk skim pengurangan kemiskinan mensasarkan kumpulan yang lemah dalam langkah-langkah umum dan khusus seperti faedah hilang upaya. Peruntukan tidak formal di peringkat komuniti adalah melalui organisasi berasaskan komuniti. Petugas-petugas dari awal lagi memperingatkan bahawa menjadi kesalahan menyebarkan gambar pelatih tanpa kebenaran terutamanya dalam media sosial. Segala maklumat tentang pelatih juga adalah sulit dan memerlukan kebenaran daripada pihak sebenar sekiranya ingin melihat dan mengambil salinan.

5.0 SOSIAL (*social*)

Bantuan peribadi (*personal assistance*)

Berdasarkan analisis matrik CBR bagi aspek sosial dan berdasarkan pemerhatian yang dilakukan sepanjang 7 kali berada PDK Permata Hati. Bagi aspek bantuan peribadi, kebanyakan golongan orang kurang upaya memerlukan bantuan peribadi untuk memudahkan proses adaptasi mereka pada komuniti setempat serta penyertaan dalam konsep kekeluargaan. Bantuan peribadi diperlukan adalah kerana faktor-faktor alam sekitar contohnya, apabila persekitaran tidak boleh diakses oleh golongan orang kurang upaya. Hal ini kerana, individu yang mempunyai ketidakupayaan kemungkinan mempunyai masalah yang lain dan beberapa kesukaran yang menghalang mereka daripada melakukan tugas harian mereka.

Bantuan peribadi yang ada di PDK Permata Hati ialah kerusi roda dan *parallel bar* untuk tujuan fisioterapi pada kanak-kanak yang mempunyai cerebral palsy. Kekuatan di PDK dari segi bantuan peribadi ialah kurang walaupun hanya sebilangan kecil yang memerlukan bantuan peribadi bagi membantu diri mereka menjadi seperti kanak-kanak tipikal yang lain. Namun begitu, pelatih di PDK mempunyai hak untuk menentukan keperluan yang mereka perlukan bagi memenuhi keperluan mereka dalam kehidupan seharian.

Hal ini demikian kerana, PDK ini merupakan PDK yang masih baru ditubuhkan iaitu pada awal bulan Jun dimana masih memerlukan lebih banyak teknologi bantuan bagi membantu kanak-kanak yang memerlukan bantuan peribadi. Di PDK Permata Hati, ia merupakan PDK yang masih baru dan memerlukan peruntukkan yang lebih bagi menyediakan beberapa teknologi bantuan bagi membantu kanak-kanak berkeperluan khas ini. Seterusnya, disebabkan kekangan dari segi wang dan kemudahan infrastruktur PDK yang tidak memuaskan, banyak teknologi bantuan yang tidak dapat disalurkan kepada PDK ini. Ini merupakan kelemahan yang ada pada PDK Permata hati.

Hubungan, perkahwinan dan keluarga (*relationship, marriage and family*)

Dalam aspek hubungan persahabatan dan perkahwinan dimana pelatih di PDK bebas untuk berkawan sesama pelatih di PDK tanpa ada halangan dari pihak petugas mahupun ibu bapa pelatih itu sendiri. Dengan adanya hubungan persahabatan dengan kanak-kanak yang lain, ia mampu meningkatkan kemahiran komunikasi sosial antara satu sama lain. Meskipun PDK Permata Hati ini merupakan PDK yang masih baru namun pelatih mudah bergaul sesama pelatih yang lain di sana. Kanak-kanak yang mempunyai ketidakupayaan juga mempunyai hak yang sama dalam menentukan hak mereka untuk berkawan atau berkahwin.

Seterusnya, bagi aspek perkahwinan dimana PDK ini tidak menggalakkan perkahwinan sesama pelatih yang ada di PDK. Hal ini kerana, pelatih yang berada di PDK tersebut terdiri dari golongan kanak-kanak meskipun ada beberapa orang pelatih yang dewasa namun tidak berkemampuan untuk berkahwin. PDK ini juga terdiri daripada kanak-kanak yang masih kecil iaitu terdiri daripada kanak-kanak lingkungan umur dua hingga 12 tahun. Dengan keadaan umur sebegini, perkahwinan tidak akan wujud di kalangan kanak-kanak. Selain itu, menurut penyelia di PDK Permata Hati, mereka sebagai petugas tidak menggalakkan perkahwinan dengan individu yang mempunyai ketidakupayaan bagi menghalang lahirnya bayi yang mempunyai ketidakupayaan yang sama seperti ibu bapanya.

Disebabkan faktor penubuhan PDK yang masih baru, oleh itu pelatih PDK terdiri daripada pelatih yang masih muda iaitu daripada kalangan kanak-kanak berkeperluan khas. Mengikut petugas dan penyelia PDK yang telah ditemubualkan, mereka sendiri tidak pernah menghalang pelatih PDK untuk berkawan sesama mereka atau dengan pelatih yang lebih tua. Namun disebabkan ketidakupayaan yang dialami menyebabkan mereka sukar untuk berinteraksi dengan lebih luas dan rapat. Selain itu, hubungan pelatih dan keluarga juga dilihat tidak mempunyai sebarang kelemahan. Keluarga pelatih sangat memberi

sokongan yang padu dan sering berkerjasama dengan petugas PDK dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelatih.

Budaya dan seni (*culture and arts*)

Berdasarkan pemerhatian di PDK, kanak-kanak ini banyak didedahkan dengan program keagamaan seperti solat hajat, ceramah dan sebagainya. Petugas juga tidak menghalang hak bagi setiap pelatih untuk bebas beragama dari mana-mana agama yang dianuti oleh setiap individu. Individu yang mempunyai ketidakupayaan mempunyai hak yang sama dalam beragama berbanding individu yang tipikal.

Bagi aspek budaya dan seni, menurut penyelia PDK Cik Nur Syuhada, mereka sebagai petugas PDK bertanggungjawab dalam mendedahkan pelatih-pelatih ini kepada budaya dan juga seni. Hal ini kerana, bagi pandangan penyelia tersebut, kanak-kanak ini perlu didedahkan dengan dunia luar seperti budaya dan juga seni. Selain itu, menurut kajian juga setiap kanak-kanak ini juga mempunyai bakat yang tersendiri seperti bakat seni dan pelbagai bakat yang lain.

Namun, kelemahan PDK ini adalah sama iaitu masih baru dan masih kekurangan peruntukan yang membolehkan mereka mencungkil bakat pelatih dalam bidang seni mahupun budaya yang sedia ada. Disebabkan faktor umur yang masih muda di kalangan pelatih, maka tidak ada pelatih yang melibatkan diri dalam aktiviti kesenian mahupun kebudayaan.

Sukan dan rekreasi (*recreation and sport*)

Bagi menganalisis aspek sukan dan rekreasi berdasarkan matrik CBR, kelemahan di PDK ini adalah dimana umur pelatih yang masih muda namun ada beberapa pelatih yang aktif dalam aktiviti sukan. Namun, berdasarkan pemerhatian yang dilakukan terhadap PDK ini dimana keadaan pelatih tersebut yang menyebabkan kebanyakan ramai pelatih tidak mampu untuk bersukan dan keadaan mereka yang teruk bagi ketidakupayaannya. Selain itu, petugas juga ada membawa pelatih ini untuk bersiar-siar dan berekreasi di sekitar taman yang berada berdekatan di PDK tersebut.

Seterusnya, berdasarkan pembacaan kami, semua individu yang mempunyai ketidakupayaan akan diberi hak untuk bersukan dan rekreasi sama seperti individu tipikal. Selain itu, kekuatan di PDK ini dari segi sukan dan rekreasi adalah sederhana kerana disebabkan keadaan yang masih baru dan pelatih yang terdiri daripada kanak-kanak yang masih kecil. Hal ini kerana, apabila kami menemu bual penyelia, mengapa tidak membawa

keluar bagi melakukan aktiviti sukan adalah kerana peruntukan yang kurang serta mereka sendiri tidak mempunyai hasil pendapatan yang tersendiri. Selain itu juga, pelatih yang masih kecil dan muda dimana memerlukan bantuan peribadi yang secara terperinci dan memerlukan pengurusan diri yang khusus. Menurut penyelia dan petugas PDK juga, mereka juga ingin mendedahkan pelatih ini kepada sukan dan rekreasi namun banyak halangan yang dihadapi oleh mereka untuk membawa pelatih ini keluar dari institusi PDK.

Keadilan (*justice*)

Menurut UNICEF, semua manusia diberi hak dan keadilan serta menerima akses yang sama rata tanpa mengira ketidakupayaan yang dialami oleh mereka. Oleh itu, di PDK ini amalan keadilan terhadap semua pelatih dimana tiada sikap pilih kasih yang wujud dalam kalangan petugas itu sendiri. Selain itu, pelatih juga diberi hak untuk keadilan terhadap diri mereka dari segi keselamatan, perkhidmatan serta pendidikan. Pendidikan di PDK diberi sama rata terhadap semua pelatih tanpa mengira tahap keupayaan yang mereka alami. Semua petugas di PDK akan mengajar bersama-sama dan memberi peluang pendidikan terhadap semua pelatih di PDK.

Seterusnya, keselamatan serta perkhidmatan yang diterima oleh pelatih juga sama rata namun jika pelatih yang agak teruk tahapnya maka perhatian yang lebih akan diberi terhadap pelatih tersebut namun ini tidak bermaksud ketidakadilan berlaku dalam kalangan pelatih di PDK Permata Hati. Oleh kerana usia pelatih yang masih muda, maka ibu bapa pelatih mengetahui tentang hak keadilan bagi anak-anak mereka sebagai individu yang mempunyai ketidakupayaan. Keadilan bagi kanak-kanak ini amat penting kerana mereka juga mempunyai hak dan menjalani kehidupan yang lebih bermanfaat kepada mereka.

6.0 PEMBERDAYAAN (*empowerment*)

Komponen pemberdayaan lebih memberi tumpuan kepada kepentingan memperkasakan orang yang mengalami ketidakupayaan, keluarga mereka dan masyarakat untuk membantu mengurusperdanakan ketidakupayaan di setiap sektor dan memastikan bahawa semua orang berupaya untuk mendapatkan hak dan kedudukan mereka. Berdasarkan komponen yang terdapat dalam “*empowerment*” adalah sokongan dan komunikasi.

Berdasarkan analisis CBR ini, kami mendapati bahawa sokongan dan komunikasi yang diberikan kepada pelatih-pelatih di PDK ini baik. Setiap ahli keluarga memberikan sokongan kepada pelatih-pelatih dalam setiap perkara yang dilakukan. Petugas-petugas di PDK ini juga turut memberikan peluang kepada pelatih-pelatih untuk membuat pilih serta sentiasa berkomunikasi supaya kemahiran komunikasi mereka dapat ditingkatkan. Sokongan dari ahli keluarga dan masyarakat sangat penting dalam hal ini kerana dengan sokongan dan dorongan yang diberikan akan memberikan keyakinan kepada mereka untuk melakukan sesuatu yang baru serta mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelatih-pelatih ini. Ibu bapa dan penjaga turut menyertai setiap program yang dianjurkan oleh PDK sebagai sokongan dalam setiap program yang dilakukan.

Selain daripada itu, dari segi penyertaan politik pula, apa yang diberitahu tiada penyertaan dari pihak politik lagi mungkin kerana PDK ini masih baru beroperasi lagi. Apabila tiada penyertaan dari pihak politik adalah sukar untuk PDK ini mendapat dana untuk melakukan sesuatu program. Hal ini kerana, penyertaan dari pihak politik ini mempunyai kelebihan dan manfaat yang tersendiri. Seperti PDK ini kemudahan yang terdapat di PDK masih lagi tidak mencukupi untuk pelatih-pelatih ini. Penyertaan daripada pihak lain juga perlu dalam membantu pelatih-pelatih ini dari segi keperluan, kemudahan untuk memudahkan program serta aktiviti di PDK ini berjalan dengan lancar selain turut membantu pelatih-pelatih untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran mereka.

Tambahan lagi, PDK ini juga kurang mendapat bantuan dari kumpulan yang tidak formal. Hal ini kerana, PDK ini baru sahaja beroperasi menyebabkan tidak ramai kumpulan atau organisasi yang mengetahui akan kewujudannya. Selain itu, PDK ini hanya mendapat bantuan atau sumbangan dari ibu bapa atau penjaga pelatih-pelatih di sini. Bantuan dan sumbangan yang sering diberikan adalah dari segi bekalan bahan makanan. Selain itu, terdapat juga pihak-pihak tertentu yang memberikan sumbangan kepada PDK ini.

Akhir sekali, terdapat dua orang petugas PDK Permata Hati yang mempunyai masalah pembelajaran yang turut sama bekerja di PDK tersebut. Apabila terdapat petugas yang mempunyai masalah yang sama turut bekerja di PDK ini akan membuatkan pelatih-pelatih ini tidak akan merasa rendah diri dengan ketidakupayaan yang mereka miliki. Selain itu, petugas-petugas ini juga dapat memahami perasaan yang dialami oleh pelatih ini dan memberikan semangat kepada mereka untuk membantu pelatih-pelatih dalam kehidupan seharian mereka.

7.0 PENUTUP

Kesimpulannya, hasil analisis PDK berpandukan matrik CBR telah menunjukkan pelbagai kekuatan serta kelemahan yang terdapat di PDK Permata Hati, Presint 11. Kekuatan yang ada di PDK ini haruslah dikekalkan atau dilakukan penambahbaikan supaya dapat memberi manfaat sepenuhnya terhadap para pelatih di sini. Seterusnya, kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti ini perlu ditangani bagi mengelakkan kesukaran kepada pelatih dan petugas itu sendiri dalam proses pemulihan yang cuba dilakukan. Justeru, dalam hal ini semua pihak khususnya di pihak kerajaan perlu mengambil langkah drastik dalam usaha mencapai objektif penubuhan PDK itu sendiri.